

21 NOV 2001

Agong-Takziah (Asing)

ORANG-ORANG KENAMAAN ASING TURUT HULUR TAKZIAH

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Ratu Elizabeth II dari England menyampaikan takziah kepada Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Saya sangat sedih untuk mendengar khabar kemangkatan Seri Paduka Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Saya mengucapkan takziah kepada anda dan anggota keluarga anda, kepada kerajaan dan rakyat negeri Selangor dan kepada kerajaan dan penduduk Malaysia kata beliau dalam perutusannya yang disampaikan kepada media oleh Suruhanjaya Tinggi Britain di sini.

Sultan Salahuddin, Yang di-Pertuan Agung ke 11 bagi Malaysia mangkat di Pusat Perubatan Gleneagles Intan hari ini selepas gering selama lebih dua bulan kerana masalah jantung. Baginda berusia 75 tahun.

Presiden S.R. Nathan dari Singapura juga menyampaikan mesej lebih kurang sama kepada Tuanku Siti Aishah bagi pihak kerajaan dan rakyat Singapura, menurut kenyataan Kementerian Hal Ehwal Luar republik itu.

"Presiden Nathan dan Perdana Menteri Goh Chok Tong turut mengucapkan takziah masing-masing kepada Sultan Mizan Zainal Abidin, Pemangku Yang di-Pertuan Agong Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," menurut kenyataan itu.

Sultan Salahuddin menerima rawatan perubatan di Hospital Mount Elizabeth di Singapura untuk hampir dua bulan sebelum diterbangkan pulang ke tanahair pada Ahad.

-- BERNAMA

MAM AHH PR